



**IBU PEJABAT POLIS DAERAH BRICKFIELDS**  
**No 12, Jalan Travers, 50480 Kuala Lumpur**  
**Telefon: 03-2297 9222 Faks: 03-2297 9223**  
**Facebook: Facebook.com/polisbrickfields**

---

## KENYATAAN MEDIA:-

**KETUA POLIS DAERAH BRICKFIELDS**  
**ACP AMIHIZAM BIN HJ. ABDUL SHUKOR**

### **SIDANG MEDIA OP AMAN IPD BRICKFIELDS**

Pihak Polis menerima maklumat mutakhir pada 21 Januari 2022 jam 11.00 malam dan juga terkesan *posting* yang telah tular di media sosial bahawa terdapat beberapa individu dan pihak yang akan menganjurkan perhimpunan di pada 22 Januari 2022 jam 11.00 pagi di LRT Bangsar. Perhimpunan ini jelas melanggar undang – undang yang berkuatkuasa iaitu Peraturan 9 (Larangan Berarak) dan Peraturan 10 (Kawalan Berhimpun), Peraturan – Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah – Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021. Pihak Polis tidak menerima sebarang pemberitahuan perhimpunan dari mana – mana individu ataupun pihak seperti yang digarisikan dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 dimana pihak pengajur perlu memaklumkan kepada Pihak Polis.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih di bawah Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 18 Oktober 2021. Pihak Polis mengingatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi SOP bagi mengawal penularan jangkitan Covid-19 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Justeru, bagi memastikan keselamatan orang ramai dan ketenteraman awam berada pada tahap yang baik serta mengawal penularan jangkitan Covid-19, Pihak Polis akan menjalankan lencongan jalan di sekitar pentadbiran IPD Brickfields. Senarai jalan yang terlibat adalah:-

1. Jalan Bangsar
2. Susur Jalan Bangsar Utama
3. Jalan Travers menuju ke Jalan Bangsar
4. Jalan Rakyat menuju ke Jalan Bangsar
5. Jalan Maarof menuju ke Jalan Bangsar

Lencongan ini akan bermula pada jam 7.00 pagi, 22 Januari 2022 sehingga selesai.

Selain daripada lencongan jalan, pihak Pengoperasian Stesen MRT, LRT, Monorail dan KTM juga akan membuat penghentian sementara pengoperasian bagi beberapa stesen utama di sekitar Kuala Lumpur seperti diumumkan dalam siaran media semalam. Sehubungan dengan itu, penghentian sementara pengoperasian kesemua stesen ini juga akan bermula pada jam 7.00 pagi 22 Januari 2022 sehingga selesai.

Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk menasihati orang ramai yang mempunyai sebarang urusan di Bandaraya Kuala Lumpur terutama di kawasan LRT Bangsar dan sekitarnya perlu merancang perjalanan dan urusan masing – masing terutamanya yang melibatkan laluan dan juga masa.

Selain itu, Pihak Polis menasihati orang ramai untuk tidak menyertai sebarang aktiviti yang melanggar undang – undang serta SOP yang sedang berkuatkuasa, demi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta kesihatan umum. Semua lapisan masyarakat harus memahami pentingnya mematuhi SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 dengan sentiasa memakai pelitup muka, menjaga penjarakkan fizikal dan elakkan berada di dalam kelompok yang ramai agar bersama – sama kita dapat mengurangkan kadar jangkitan Covid-19 ini. Sehubungan itu, Pihak Polis tidak akan bertolak ansur dengan mana – mana pihak yang dikesan masih berdegil menganjurkan atau menyertai sebarang perhimpunan dan akan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang Malaysia yang masih berkuatkuasa. Sekian, terima kasih.

t.t


**( AMIHIZAM BIN HJ. ABDUL SHUKOR ) ACP  
KETUA POLIS DAERAH BRICKFIELDS**

-TAMAT-


*(Dikeluarkan pada 21 JANUARI 2022)*




JALAN BANGSAR



JALAN TRAVERS MENUJU JALAN BANGSAR/ JALAN RAKYAT MENUJU JALAN BANGSAR



JALAN BANGSAR UTAMA



JALAN MAAROF MENUJU JALAN BANGSAR